

PENGARUH AKTIVISME DIGITAL TERHADAP TINGKAH LAKU SOSIAL DAN KONSUMERISME BELIA DI MALAYSIA

*The Influence of Digital Activism on Social Behavior and Consumerism Among
Youth in Malaysia*

*Muhammad Nor Taufiq Ali¹, Nur Afiqah Azizi², Nur Izzah Anis Khairi², Syafiqah Abdul Rahim²,
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain¹

¹Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor, Malaysia.

²Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
46300 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: nortaufiqali98@gmail.com

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
10-Aug-2025	02-Nov-2025	20-Dec-2025	30-Dec-2025

Abstrak

Perkembangan teknologi digital telah memperluaskan peranan media sosial sebagai medium penyertaan sosial dan pembentukan kesedaran dalam kalangan belia. Aktivisme digital kini berfungsi bukan sahaja sebagai saluran ekspresi pandangan, malah sebagai ruang pendidikan sosial tidak formal yang mempengaruhi sikap, nilai dan tingkah laku belia terhadap isu-isu kemanusiaan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh aktivisme digital terhadap tingkah laku sosial dan konsumerisme belia di Malaysia dengan memfokuskan kepada isu kemanusiaan Palestin sebagai konteks kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan soal selidik berstruktur yang melibatkan seramai 150 orang belia di Malaysia. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif melalui perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS), meliputi kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran belia Malaysia terhadap isu kemanusiaan Palestin berada pada tahap tinggi, manakala tahap penglibatan dalam aktivisme digital berada pada tahap sederhana tinggi. Selain itu, dapatan turut memperlihatkan bahawa konsumerisme belia dalam konteks kepenggunaan beretika berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, kajian ini mencerminkan peranan aktivisme digital sebagai satu bentuk pendidikan sosial tidak formal yang berkait dengan pembentukan tingkah laku sosial dan amalan konsumerisme berasaskan nilai dalam kalangan belia di Malaysia.

Kata kunci : Aktivisme digital; tingkah laku sosial; konsumerisme belia; isu kemanusiaan; Malaysia

Abstract

The rapid development of digital technology has expanded the role of social media as a platform for social participation and awareness-building among youth. Digital activism now functions not only as a medium for expression but also as an informal social education space that shapes youths' attitudes, values, and behaviours toward humanitarian issues. Accordingly, this study aims to examine the influence of digital activism on social behaviour and consumerism among youth in Malaysia, with the Palestinian humanitarian issue serving as the research context. This study adopts a quantitative survey approach using a structured questionnaire involving 150 Malaysian youths. Data were analysed using

descriptive analysis through the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS), including frequencies, percentages, mean scores, and standard deviations. The findings indicate that Malaysian youths demonstrate a high level of awareness of the Palestinian humanitarian issue, while their level of engagement in digital activism is at a moderately high level. In addition, the results show that ethical consumerism among youth is at a high level. Overall, the findings suggest that digital activism reflects the role of informal social education associated with the formation of social behaviour and value-based consumer practices among Malaysian youth.

Keywords : Digital activism; social behaviour; youth consumerism; humanitarian issues; Malaysia

1.0 PENGENALAN

Perkembangan pesat teknologi digital dan media sosial telah membawa perubahan yang signifikan terhadap cara masyarakat berkomunikasi, membina kesedaran serta terlibat dalam isu-isu sosial dan kemanusiaan. Dalam era digital, ruang siber bukan lagi sekadar medium penyampaian maklumat, malah berfungsi sebagai ruang sosial baharu yang membentuk pemikiran, nilai dan tingkah laku individu, khususnya dalam kalangan golongan belia (Castells, 2012; Lim & Goh, 2020). Fenomena ini telah melahirkan bentuk penyertaan sosial baharu yang dikenali sebagai aktivisme digital, iaitu penggunaan platform digital untuk menyuarakan pandangan, menggerakkan sokongan dan mempromosikan kesedaran terhadap isu-isu sosial dan kemanusiaan.

Aktivisme digital semakin mendapat perhatian dalam kajian akademik kerana potensinya sebagai medium pembentukan kesedaran sosial dan penyertaan sivik. Menurut Cortés-Ramos et al. (2021), media sosial menyediakan ruang ekspresi yang mudah diakses, membolehkan belia terlibat dalam perbincangan awam, membina identiti kolektif serta menyertai gerakan sosial dengan kos yang rendah. Greijdanus et al. (2020) pula menjelaskan bahawa penglibatan dalam aktivisme dalam talian berkait rapat dengan pembentukan sikap sosial, emosi kolektif dan norma sosial, walaupun dalam bentuk tindakan yang bersifat asas seperti perkongsian kandungan dan penggunaan tanda pagar (hashtag).

Dalam konteks Malaysia, golongan belia merupakan kumpulan pengguna internet yang paling aktif dan dominan. Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC, 2022) menunjukkan bahawa lebih separuh pengguna internet di negara ini terdiri daripada belia, menjadikan mereka aktor utama dalam membentuk wacana sosial di ruang digital. Penglibatan belia dalam media sosial bukan sahaja tertumpu kepada hiburan dan komunikasi, tetapi turut melibatkan penyertaan dalam kempen kesedaran, solidariti kemanusiaan dan isu keadilan sosial. Hal ini mencerminkan peranan media digital sebagai satu bentuk pendidikan sosial tidak formal yang mempengaruhi kepekaan dan tanggungjawab sosial belia (Lim & Goh, 2020).

Salah satu isu kemanusiaan global yang mendapat perhatian meluas dalam ruang digital ialah isu kemanusiaan Palestin. Konflik yang berpanjangan, pelanggaran hak asasi manusia serta krisis kemanusiaan yang berterusan telah mencetuskan pelbagai bentuk sokongan dan solidariti dalam kalangan masyarakat antarabangsa, termasuk di Malaysia (Musa, 2024). Laporan organisasi antarabangsa seperti Amnesty International (2021) dan Human Rights Watch (2021) mendokumentasikan pelanggaran hak asasi manusia yang serius di wilayah Palestin, manakala laporan Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (OCHA, 2021) menegaskan skala penderitaan kemanusiaan yang berterusan akibat konflik dan sekatan.

Dalam ruang digital, isu Palestin telah menjadi pemangkin kepada penglibatan belia dalam aktivisme digital melalui perkongsian maklumat, kempen kesedaran dan gerakan solidariti. Yousef dan Mokadi (2024) menyatakan bahawa media digital memainkan peranan penting dalam mencabar naratif dominan dan membolehkan suara masyarakat awam, khususnya golongan muda, disebarkan secara meluas. Aktivisme digital berkaitan isu Palestin di Malaysia turut dizahirkan melalui kempen boikot, sokongan terhadap produk alternatif dan penyebaran kandungan kesedaran di media sosial (Bany Mohammed et al., 2025). Dapatan ini selari dengan kajian oleh Ali et al. (2025) yang meneliti aktivisme digital belia Malaysia berkaitan isu kemanusiaan Palestin. Kajian tersebut mendapati bahawa belia Malaysia menunjukkan tahap penglibatan dan kesedaran yang tinggi dalam aktivisme digital, khususnya melalui media sosial, serta memperlihatkan kecenderungan awal terhadap perubahan tingkah laku sosial dan konsumerisme berasaskan nilai kemanusiaan. Penemuan ini mengukuhkan keperluan kajian lanjut bagi memahami fenomena aktivisme digital belia Malaysia secara lebih sistematik dan empirikal.

Selain meningkatkan kesedaran, aktivisme digital turut dikaitkan dengan perubahan dalam tingkah laku sosial belia. Tingkah laku sosial dalam konteks ini merangkumi keprihatinan terhadap isu kemanusiaan, kecenderungan untuk terlibat dalam tindakan kolektif serta sokongan terhadap nilai keadilan dan solidariti. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pendedahan berterusan kepada kandungan kemanusiaan di media sosial dapat membentuk orientasi nilai dan sikap sosial belia terhadap isu-isu global (Al-Omouh et al., 2021; Cortés-Ramos et al., 2021).

Di samping itu, aktivisme digital juga memperlihatkan hubung kait dengan pola konsumerisme belia. Konsumerisme dalam konteks kontemporari tidak lagi bersifat neutral, sebaliknya semakin dipengaruhi oleh pertimbangan moral dan etika. Konsep etnosentrisme pengguna yang diperkenalkan oleh Shimp dan Sharma (1987) menjelaskan kecenderungan individu untuk membuat pilihan pembelian berasaskan identiti dan nilai sosial. Dalam konteks aktivisme digital, kempen boikot dan sokongan terhadap produk tempatan mencerminkan bentuk kepenggunaan beretika yang dipengaruhi oleh kesedaran sosial dan kemanusiaan (Nor & Omar, 2024).

Walaupun kajian berkaitan aktivisme digital dan penyertaan belia semakin berkembang, kajian empirikal yang meneliti secara khusus tahap pengaruh aktivisme digital terhadap tingkah laku sosial dan konsumerisme belia di Malaysia masih terhad. Kebanyakan kajian sedia ada lebih menumpukan kepada aspek kesedaran atau penyertaan dalam talian tanpa mengaitkannya secara sistematik dengan pola tingkah laku sosial dan kepenggunaan belia dalam konteks tempatan.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh aktivisme digital terhadap tingkah laku sosial dan konsumerisme belia di Malaysia melalui pendekatan kuantitatif berasaskan analisis deskriptif. Dengan memfokuskan kepada penglibatan belia dalam aktivisme digital berkaitan isu kemanusiaan Palestin sebagai konteks kajian, penyelidikan ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman tentang peranan media digital sebagai medium pembentukan nilai, sikap dan amalan sosial belia, selari dengan matlamat pendidikan sosial dan tarbiah masyarakat.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- a) Mengenal pasti tahap penglibatan belia Malaysia dalam aktivisme digital berkaitan isu sosial dan kemanusiaan.

- b) Menganalisis pengaruh aktivisme digital terhadap tingkah laku sosial belia di Malaysia.
- c) Mengkaji kesan aktivisme digital terhadap pola konsumerisme belia di Malaysia.

3.0 SOROTAN LITERATUR

3.1 Aktivisme Digital sebagai Fenomena Sosial Kontemporari

Perkembangan teknologi digital dan media sosial telah membentuk landskap baharu dalam penyertaan sosial belia. Aktivisme digital merujuk kepada penggunaan platform digital seperti media sosial, aplikasi komunikasi dan laman sesawang untuk menyuarakan pandangan, menyebarkan kesedaran serta menggerakkan sokongan terhadap isu-isu sosial dan kemanusiaan. Dalam konteks masyarakat kontemporari, aktivisme digital bukan lagi sekadar medium komunikasi, malah berfungsi sebagai ruang pembelajaran sosial yang mempengaruhi sikap, nilai dan tindakan individu.

Castells (2012) menjelaskan bahawa rangkaian digital telah membentuk satu bentuk baharu gerakan sosial yang bersifat mendatar, pantas dan berasaskan kesedaran kolektif. Melalui media sosial, belia bukan sahaja menjadi pengguna maklumat, tetapi turut berperanan sebagai agen penyebaran wacana dan pembentukan pendapat awam. Fenomena ini menjadikan aktivisme digital sebagai saluran penting dalam membina kepekaan sosial dan kesedaran sivik dalam kalangan belia. Kajian oleh Cortés-Ramos et al. (2021) mendapati bahawa media sosial menyediakan ruang yang kondusif untuk penyertaan belia dalam aktivisme sosial melalui ekspresi diri, pembinaan identiti kolektif dan mobilisasi sokongan. Walaupun kajian tersebut dijalankan di luar konteks Malaysia, dapatan ini relevan kerana menunjukkan bahawa aktivisme digital mampu mempengaruhi cara belia memahami isu sosial serta peranan mereka dalam masyarakat.

3.2 Aktivisme Digital dan Tingkah Laku Sosial Belia

Tingkah laku sosial belia merangkumi sikap, interaksi, keprihatinan serta tindakan mereka terhadap isu-isu yang melibatkan kepentingan masyarakat. Dalam konteks aktivisme digital, tingkah laku sosial dapat dilihat melalui tindakan seperti berkongsi maklumat, menyokong kempen dalam talian, menyuarakan pandangan dan mempengaruhi individu lain untuk turut serta.

Grejdanus et al. (2020) menegaskan bahawa penglibatan dalam aktivisme dalam talian berkait rapat dengan pembentukan identiti sosial dan perasaan keberkesanan kolektif. Belia yang merasakan tindakan mereka memberi kesan, walaupun dalam bentuk yang kecil seperti perkongsian kandungan atau penggunaan tanda pagar (hashtag), cenderung untuk menunjukkan penglibatan sosial yang lebih konsisten. Hal ini menunjukkan bahawa aktivisme digital bukan sekadar tindakan simbolik, tetapi berpotensi membentuk sikap sosial yang lebih peka dan bertanggungjawab. Dalam konteks Malaysia, tahap penggunaan internet yang tinggi, khususnya dalam kalangan belia, menyediakan persekitaran yang subur untuk perkembangan aktivisme digital. Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC, 2022) menunjukkan bahawa lebih separuh pengguna internet terdiri daripada golongan belia, menjadikan mereka kumpulan utama yang memacu penyertaan sosial dalam ruang digital. Persekitaran ini membolehkan belia membina kesedaran sosial melalui pendedahan berterusan kepada isu-isu semasa, termasuk isu kemanusiaan dan keadilan sosial.

3.3 Aktivisme Digital sebagai Medium Pendidikan Tidak Formal

Selain berfungsi sebagai alat komunikasi, aktivisme digital turut boleh difahami sebagai satu bentuk pendidikan tidak formal yang berlaku di luar institusi pendidikan tradisional. Melalui pendedahan kepada kandungan digital, perbincangan dalam talian dan kempen kesedaran, belia membina kefahaman, sikap serta nilai berkaitan isu sosial.

Menurut Lim dan Goh (2020), aktivisme digital membuka ruang pembelajaran sosial yang bersifat terbuka dan tidak berhierarki, di mana belia belajar melalui interaksi rakan sebaya, mempengaruhi dan organisasi masyarakat sivil. Proses ini menyumbang kepada pembentukan kesedaran sosial dan nilai moral, terutamanya apabila isu yang dibincangkan melibatkan keadilan, kemanusiaan dan tanggungjawab sosial. Dalam konteks pendidikan Islam dan tarbiah belia, aktivisme digital boleh dilihat sebagai medan pembelajaran nilai-nilai kemanusiaan seperti empati, solidariti dan keprihatinan terhadap penderitaan orang lain. Penyertaan belia dalam kempen kesedaran dan solidariti mencerminkan proses internalisasi nilai yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam tindakan sosial.

3.4 Pengaruh Aktivisme Digital terhadap Konsumerisme Belia

Salah satu manifestasi nyata pengaruh aktivisme digital terhadap tingkah laku belia ialah perubahan dalam pola konsumerisme. Konsumerisme belia tidak lagi didorong semata-mata oleh faktor harga dan jenama, tetapi turut dipengaruhi oleh pertimbangan moral, etika dan sosial. Aktivisme digital telah menjadi pemangkin kepada kemunculan amalan kepenggunaan beretika, termasuk gerakan boikot dan sokongan terhadap produk tempatan.

Abdullah (2024) mendapati bahawa kempen boikot yang digerakkan melalui platform digital mampu memberi kesan signifikan terhadap tingkah laku pengguna di Malaysia. Penyebaran maklumat dan seruan boikot melalui media sosial meningkatkan kesedaran pengguna terhadap implikasi moral keputusan pembelian mereka. Kajian Nor dan Omar (2024) turut menunjukkan bahawa sebahagian besar pengguna Malaysia beralih kepada jenama tempatan apabila dipengaruhi oleh kempen solidariti dan aktivisme digital.

Fenomena ini boleh difahami melalui konsep etnosentrisme pengguna yang diperkenalkan oleh Shimp dan Sharma (1987), iaitu kecenderungan pengguna untuk menyokong produk tempatan sebagai manifestasi nilai dan identiti sosial. Dalam konteks belia, aktivisme digital berperanan sebagai mekanisme pendidikan yang menghubungkan nilai kemanusiaan dengan amalan konsumerisme seharian.

3.5 Aktivisme Digital, Isu Kemanusiaan dan Konteks Malaysia

Isu kemanusiaan Palestin sering menjadi fokus utama aktivisme digital dalam kalangan belia Malaysia dan berfungsi sebagai konteks penting dalam memahami hubungan antara aktivisme digital, tingkah laku sosial dan konsumerisme. Sokongan masyarakat Malaysia terhadap Palestin telah lama berakar dalam dasar luar negara dan solidariti masyarakat sivil (Musa, 2024). Dalam era digital, sokongan ini dizahirkan melalui kempen media sosial, pengumpulan dana dalam talian dan gerakan boikot.

Kajian oleh Bany Mohammed et al. (2025) menunjukkan bahawa aktivisme digital berkaitan konflik Gaza memberi kesan kepada sentimen awam serta persepsi terhadap jenama dan institusi yang dikaitkan dengan konflik tersebut. Dalam kalangan belia Malaysia, pendedahan berterusan kepada kandungan kemanusiaan di media sosial bukan sahaja meningkatkan kesedaran, tetapi turut mempengaruhi tindakan sosial dan pilihan konsumer mereka.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa aktivisme digital mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan tingkah laku sosial dan konsumerisme belia. Aktivisme digital berfungsi sebagai ruang pembelajaran sosial dan pendidikan tidak formal yang membentuk kesedaran, nilai serta tindakan belia dalam masyarakat. Dalam konteks Malaysia, penglibatan belia dalam aktivisme digital berkaitan isu kemanusiaan, khususnya isu Palestin, memperlihatkan bagaimana kesedaran sosial diterjemahkan ke dalam tindakan sosial dan keputusan konsumer yang berlandaskan nilai moral dan etika.

Walaupun kajian terdahulu banyak membincangkan aktivisme digital dan penyertaan belia secara umum, kajian empirikal yang menghubungkan aktivisme digital dengan tingkah laku sosial serta konsumerisme belia di Malaysia masih terhad. Oleh itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menganalisis secara empirikal pengaruh aktivisme digital terhadap tingkah laku sosial dan konsumerisme belia dalam konteks masyarakat Malaysia.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan instrumen soal selidik bagi mengumpul data. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data yang besar dan analisis statistik yang tepat, yang mana kedua-duanya penting untuk memahami tingkah laku dan pandangan belia mengenai aktivisme digital (Creswell, 2014).

4.1 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada golongan belia di Malaysia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun, selaras dengan definisi belia yang ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (2024). Berdasarkan statistik rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah populasi belia di Malaysia dianggarkan melebihi 10 juta orang, merangkumi pelbagai latar belakang sosiodemografi, pendidikan dan pekerjaan.

Memandangkan saiz populasi yang besar, kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian berbentuk pensampelan mudah (convenience sampling). Penentuan saiz sampel adalah berpandukan kepada jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), yang mencadangkan bahawa bagi populasi melebihi 1,000,000 orang, saiz sampel minimum yang mencukupi ialah sekitar 384 responden. Namun demikian, mengambil kira kekangan masa, akses responden serta sifat kajian penerokaan awal, kajian ini menetapkan saiz sampel seramai 150 orang responden, yang masih dianggap memadai untuk analisis deskriptif dan penerokaan hubungan pembolehubah dalam kajian sosial (Creswell, 2014; Pallant, 2020).

Sampel kajian diperoleh melalui dua kaedah pengumpulan data, iaitu secara bersemuka dan dalam talian. Pengumpulan data secara bersemuka dilaksanakan semasa Perhimpunan Malam Solidariti Palestin bersempena Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan 2024, yang menghimpunkan sejumlah besar belia dari pelbagai negeri di Malaysia. Kaedah ini dipilih kerana perhimpunan tersebut menjadi platform yang relevan untuk mengakses belia yang berpotensi terlibat dalam aktivisme digital dan isu kemanusiaan.

Selain itu, pengumpulan data secara dalam talian dilakukan melalui pengedaran pautan soal selidik menggunakan platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan Instagram. Pendekatan ini membolehkan capaian responden yang lebih meluas merentasi lokasi geografi serta meningkatkan kepelbagaian sampel kajian. Gabungan kedua-dua kaedah ini membantu

meningkatkan representasi sampel serta kebolehpercayaan dapatan kajian, selaras dengan amalan penyelidikan kuantitatif dalam kajian sosial kontemporari (Bryman, 2016).

4.2 Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ini ialah soal selidik berstruktur, yang digunakan bagi mengumpul data kuantitatif secara sistematik daripada responden. Penggunaan soal selidik adalah sesuai kerana ia membolehkan pengumpulan maklumat daripada sampel yang besar dalam tempoh masa yang singkat serta memudahkan analisis statistik dijalankan (Bryman, 2016; Creswell, 2014).

Soal selidik ini dibangunkan berdasarkan sorotan literatur berkaitan aktivisme digital, tingkah laku sosial belia dan konsumerisme beretika, serta disesuaikan dengan konteks masyarakat Malaysia. Instrumen kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A (profil demografi responden), Bahagian B (tahap penglibatan dan kesedaran terhadap isu sosial dan kemanusiaan), Bahagian C (tingkah laku sosial belia dalam aktivisme digital), dan Bahagian D (kesan aktivisme digital terhadap konsumerisme belia).

Item-item dalam Bahagian B, C dan D diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu 1 = Tidak Pernah, 2 = Tidak Kerap, 3 = Sekali-sekala, 4 = Kerap, dan 5 = Amat Kerap. Skala ini sesuai untuk mengukur sikap dan tingkah laku responden dalam kajian sosial (Pallant, 2020).

Bagi memastikan kesahan kandungan, item soal selidik dibina selaras dengan objektif kajian serta disokong oleh sorotan literatur terdahulu. Kebolehpercayaan instrumen diuji menggunakan pekali Cronbach's Alpha melalui perisian SPSS. Nilai Alpha melebihi 0.70 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima dalam kajian sains sosial (Nunnally & Bernstein, 1994). Secara keseluruhannya, instrumen kajian ini didapati sesuai dan memadai untuk mengukur pengaruh aktivisme digital terhadap tingkah laku sosial dan konsumerisme belia di Malaysia.

4.3 Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data secara langsung dilakukan ketika perhimpunan Malam Solidariti Palestin yang berlangsung pada 24 Mei 2024 di Pentas Utama HBN, Dataran Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka. Tempat ini dipilih kerana menjadi tumpuan belia yang berpotensi terlibat dalam aktivisme digital berkenaan isu kemanusiaan Palestin (Fraenkel, Wallen, & Hyun, 2012). Pengumpulan data dilakukan dengan mengedarkan soal selidik kepada peserta perhimpunan dan mengumpul semula soal selidik yang telah dijawab. Selain itu, soal selidik juga disebarikan melalui media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan Instagram. Kaedah ini membolehkan penyertaan yang lebih meluas dan pelbagai dari belia di seluruh Malaysia, sekaligus meningkatkan representasi sampel (Lenhart et al., 2010).

4.4 Kaedah Analisis Data

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). SPSS dipilih kerana keupayaannya yang mantap serta penggunaannya yang meluas dalam analisis data kuantitatif bagi penyelidikan sains sosial (Pallant, 2020).

Analisis data dalam kajian ini melibatkan analisis deskriptif bagi menggambarkan ciri-ciri asas data yang dikumpul. Analisis ini merangkumi pengiraan frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi menilai tahap penglibatan

aktivisme digital, tingkah laku sosial serta kesan aktivisme digital terhadap konsumerisme belia di Malaysia.

Interpretasi skor min adalah berdasarkan kepada jadual pengukuran tahap skor min oleh Nunnally dan Bernstein (1994) yang membahagikan skor min kepada empat tahap, iaitu rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi. Interpretasi ini digunakan bagi menentukan tahap penilaian responden terhadap setiap item dan konstruk yang dikaji.

Pemilihan analisis deskriptif adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan pola penglibatan belia dalam aktivisme digital serta kesannya terhadap tingkah laku sosial dan konsumerisme, tanpa menguji hubungan sebab-akibat secara inferensi. Pendekatan ini juga selari dengan reka bentuk kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik berstruktur sebagai instrumen pengumpulan data (Punch, 2013).

Secara keseluruhannya, penggunaan analisis deskriptif melalui SPSS membolehkan data dianalisis secara sistematik dan tepat, seterusnya menghasilkan dapatan kajian yang sah dan boleh dipercayai bagi mencapai objektif kajian.

Jadual 2: Jadual Interpretasi Skor Min (Nunnally & Bernstein, 1994)

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

5.0 DAPATAN KAJIAN

5.1 Profil Demografi

Daripada keseluruhan responden 150 orang, majoriti responden ialah perempuan seramai 86 orang (57.3%) berbanding lelaki seramai 64 orang (42.7%). Responden yang terlibat berumur antara 15 sehingga 40 tahun dengan majoriti responden berada dalam julat umur 21- 25 tahun seramai 58 orang (38.7%). Majoriti responden beragama Islam dan Melayu iaitu 145 orang (96.7%). Responden terbanyak dalam kajian ini merupakan pelajar sekolah menengah dan mahasiswa universiti seramai 54 orang (37%) dan tidak mempunyai pendapatan. Jadual 3 menunjukkan maklumat profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3: Profil Demografi Responden

Item	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	64	42.7
Perempuan	86	57.3
Umur		
15 Tahun – 20 Tahun	17	11.3
21 Tahun – 25 Tahun	58	38.7
26 Tahun – 30 Tahun	29	19.3
31 Tahun – 35 Tahun	9	6.0
36 Tahun – 40 Tahun	37	24.7
Agama		
Islam	145	96.7
Buddha	4	2.7
Hindu	1	0.7
Kaum		
Melayu	145	96.7
Cina	4	2.7

India	1	0.7
Pekerjaan		
Penjawat Awam	25	16.7
Pekerja Swasta	33	22.0
Bekerja Sendiri	33	22.0
Tidak Bekerja	5	3.3
Pelajar	54	36.0
Pendapatan		
RM 1000 – RM 2000	42	28.0
RM 2001 – RM 3000	19	12.7
RM 3001 – RM 4000	21	14.0
RM 4001 – RM 5000	6	4.0
RM 5001 ke atas	8	5.3
Tiada Pendapatan	54	36.0

5.2 Tahap Kesedaran Belia di Malaysia Berkenaan Isu Kemanusiaan Palestin

Taburan kekerapan dan peratusan tahap kesedaran belia di Malaysia berkenaan isu kemanusiaan palestina dipaparkan dalam Jadual 4. Kajian mendapati bahawa tahap kesedaran belia di Malaysia berkenaan isu kemanusiaan palestina adalah pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan 4.59. Pada bahagian B, skor min paling tinggi (4.70) ditunjukkan pada item soalan keempat iaitu saya selalu berharap agar konflik yang berlaku dapat ditamatkan segera dengan jawapan daripada 117 orang (78.0%) responden pada ruangan amat kerap. Skor min terendah (4.34) pula ditunjukkan pada soalan pertama iaitu saya selalu mengikuti perkembangan semasa isu kemanusiaan di Palestin dengan jawapan amat kerap daripada 76 orang responden (48.7%). Majoriti responden menjawab soal selidik pada skala lima iaitu amat kerap bagi kelima-lima soalan pada Bahagian B.

Jadual 4: Analisis Min Tahap Kesedaran Belia di Malaysia Berkenaan Isu Kemanusiaan Palestin

Bil	Soalan	1	2	3	4	5	Min	Sisihan Piawai	Tahap
		TP	TK	SS	K	AK			
		Bil (%)	Bil (%)	Bil (%)	Bil (%)	Bil (%)			
1.	Saya selalu mengikuti perkembangan semasa isu kemanusiaan di Palestin	0 (0.0)	1 (0.7)	20 (13.3)	56 (37.3)	76 (48.7)	4.34	0.73118	Tinggi
2.	Saya percaya bahawa kesedaran terhadap isu Palestin penting dalam kalangan belia	1 (0.7)	0 (0.0)	11 (7.3)	30 (20.0)	108 (72.0)	4.63	0.68097	Tinggi
3.	Saya selalu berasa sedih apabila melihat video yang memaparkan penderitaan rakyat di Palestin	1 (0.7)	0 (0.0)	9 (6.0)	36 (24.0)	104 (69.3)	4.61	0.66339	Tinggi
4.	Saya selalu berharap agar konflik yang berlaku dapat ditamatkan segera	1 (0.7)	0 (0.0)	9 (6.0)	23 (15.3)	117 (78.0)	4.70	0.64246	Tinggi
5.	Saya faham situasi yang berlaku ke atas rakyat Palestin adalah satu jenayah	1 (0.7)	0 (0.0)	9 (6.0)	27 (18.0)	113 (75.3)	4.67	0.65021	Tinggi
							Min keseluruhan: 4.59		

5.3 Tindakan Aktivisme Digital yang Dilaksanakan oleh Belia di Malaysia Berkenaan Isu Kemanusiaan Palestin

Taburan kekerapan dan peratusan tindakan aktivisme digital yang dilaksanakan oleh belia di Malaysia berkenaan isu kemanusiaan Palestin ditunjukkan dalam Jadual 5. Kajian mendapati bahawa tindakan aktivisme digital yang dilaksanakan oleh belia di Malaysia berkenaan isu kemanusiaan Palestin pada tahap sederhana tinggi dengan skor min keseluruhan 3.79. Pada Bahagian C, skor min paling tinggi (4.39) dipaparkan pada item soalan kedua iaitu saya kerap menekan butang "like" pada hantaran berkenaan isu kemanusiaan Palestin dengan jawapan amat kerap daripada 82 orang (54.7%). Skor min terendah pula ditunjukkan pada soalan ketiga (3.39) iaitu saya kerap meninggalkan komen pada hantaran berkenaan isu kemanusiaan Palestin. Kebanyakan responden menjawab soal selidik pada skala tiga hingga lima di Bahagian C.

Jadual 5 Analisis Min Tindakan Aktivisme Digital yang Dilaksanakan oleh Belia di Malaysia Berkenaan Isu Kemanusiaan Palestin

Bil	Soalan	1	2	3	4	5	Min	Sisihan Piawai	Tahap
		TP	TK	SS	K	AK			
		Bil (%)	Bil (%)	Bil (%)	Bil (%)	Bil (%)			
1.	Saya sering menggunakan media sosial untuk berkempen tentang isu kemanusiaan Palestin	5 (3.3)	7 (4.7)	42 (28.0)	47 (31.3)	49 (32.7)	3.85	1.03876	Sederhana Tinggi
2.	Saya kerap menekan butang "like" pada hantaran berkenaan isu kemanusiaan Palestin	2 (1.3)	0 (0.0)	17 (11.3)	49 (32.7)	82 (54.7)	4.39	0.79340	Tinggi
3.	Saya kerap meninggalkan komen pada hantaran berkenaan isu kemanusiaan Palestin	14 (9.3)	16 (10.7)	53 (35.3)	31 (20.7)	36 (24.0)	3.39	1.22555	Sederhana Tinggi
4.	Saya selalu "share" hantaran video di media sosial berkenaan isu kemanusiaan Palestin	6 (4.0)	7 (4.7)	32 (21.3)	49 (32.7)	56 (37.3)	3.95	1.06681	Sederhana Tinggi
5.	Saya selalu memuat naik "status" di media sosial berkenaan isu kemanusiaan Palestin rakyat Palestin adalah satu jenayah	5 (3.3)	14 (9.3)	44 (29.3)	41 (27.3)	46 (30.7)	3.73	1.09848	Sederhana Tinggi
6.	Saya selalu menggunakan "hashtag" berkenaan	10 (6.7)	19 (12.7)	43 (28.7)	41 (27.3)	37 (24.7)	3.51	1.18575	Sederhana Tinggi

	Palestin di media sosial (seperti #FreePalestin)								
7.	Saya kerap menyertai "live" yang menunjukkan solidariti terhadap Palestin	9 (6.0)	17 (11.3)	48 (32.0)	41 (27.3)	35 (23.3)	3.51	1.14544	Sederhana Tinggi
8.	Saya sering bertindak "unfollow" pempengaruh yang tidak menunjukkan solidariti terhadap Palestin	8 (5.3)	8 (5.3)	24 (16.0)	50 (33.3)	60 (40.0)	3.97	1.12296	Sederhana Tinggi
							Min keseluruhan: 3.79		

5.4 Kesan Aktivisme Digital Terhadap Konsumerisme Belia di Malaysia Berkenaan Isu Kemanusiaan Palestin

Taburan kekerapan dan peratusan kesan aktivisme digital terhadap konsumerisme belia di Malaysia berkenaan isu kemanusiaan Palestin dijelaskan dalam Jadual 6. Kajian mendapati bahawa kesan aktivisme digital terhadap konsumerisme belia di Malaysia berkenaan isu kemanusiaan Palestin tahap tinggi dengan skor min keseluruhan 4.37. Pada bahagian D, skor min paling tinggi didapati pada item soalan pertama iaitu selepas kempen boikot, saya memilih untuk berbelanja di kedai yang tidak diboikot (4.46). Skor min terendah pula ditunjukkan pada soalan kedua iaitu saya sering menyemak secara "online" produk yang diboikot (4.15). Kebanyakan responden menjawab soal selidik pada skala empat hingga lima di Bahagian D.

Jadual 6 Kesan Aktivisme Digital Terhadap Konsumerisme Belia di Malaysia Berkenaan Isu Kemanusiaan Palestin

Bil	Soalan	1	2	3	4	5	Min	Sisihan Piawai	Tahap
		TP Bil (%)	TK Bil (%)	SS Bil (%)	K Bil (%)	AK Bil (%)			
1.	Selepas kempen boikot, saya memilih untuk berbelanja di kedai yang tidak diboikot	6 (4.0)	5 (3.3)	9 (6.0)	24 (16.0)	104 (70.7)	4.46	1.02734	Tinggi
2.	Saya sering menyemak secara "online" produk yang diboikot	3 (2.0)	7 (4.7)	23 (15.3)	48 (32.0)	69 (46.0)	4.15	0.98128	Tinggi
3.	Saya berhenti membeli produk yang berkait dengan isu boikot walaupun telah lama menggunakannya (seperti barangan keperluan harian)	2 (1.3)	5 (3.3)	17 (11.3)	33 (22.0)	93 (62.0)	4.40	0.91226	Tinggi
4.	Saya bersedia untuk menghentikan langganan (subscribe) produk-produk yang menyumbang kepada	2 (1.3)	4 (2.7)	11 (7.3)	41 (27.3)	92 (61.0)	4.45	0.84771	Tinggi

	ekonomi Israel (seperti platform hiburan)								
5.	Saya turut berkongsi pilihan barangan yang lebih baik untuk menggantikan produk yang diboikot	3 (2.0)	4 (2.7)	17 (11.3)	44 (29.3)	82 (54.7)	4.32	0.92192	Tinggi
6.	Saya mengajak ahli keluarga dan rakan-rakan untuk berbelanja produk daripada pengeluar yang berpihak kepada Palestin	5 (3.3)	3 (2.0)	14 (9.3)	32 (21.3)	96 (64.0)	4.41	0.97689	Tinggi
							Min keseluruhan: 4.37		

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran belia Malaysia terhadap isu kemanusiaan Palestin berada pada tahap tinggi. Kesedaran ini dicerminkan melalui kefahaman responden terhadap penderitaan rakyat Palestin serta keprihatinan mereka terhadap konflik yang berterusan. Tahap kesedaran tersebut dilihat selari dengan pendedahan berterusan melalui pendidikan formal dan tidak formal, liputan media, serta kempen kesedaran yang dianjurkan oleh pelbagai organisasi bukan kerajaan.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tahap penglibatan belia Malaysia dalam aktivisme digital berada pada tahap sederhana tinggi. Bentuk penglibatan yang paling kerap dilaporkan ialah berkongsi maklumat, menekan butang 'like', dan meninggalkan komen pada hantaran berkaitan isu Palestin. Walaupun bentuk penglibatan ini penting dalam menyebarkan kesedaran, dapatan juga memperlihatkan bahawa penglibatan belia dalam aktiviti aktivisme digital yang lebih formal masih berada pada tahap yang lebih rendah.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesan aktivisme digital terhadap konsumerisme belia berada pada tahap tinggi. Responden melaporkan kecenderungan untuk memboikot produk yang dikaitkan dengan Israel serta menyokong produk tempatan yang dianggap selari dengan nilai etika dan sosial. Dapatan ini mencerminkan bahawa penglibatan belia dalam aktivisme digital berkait rapat dengan pertimbangan nilai dalam membuat keputusan pembelian.

6.0 PERBINCANGAN

Bahagian perbincangan ini menghuraikan dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif dan menghubungkaitkannya dengan sorotan kajian literatur yang berkaitan. Dapatan bagi objektif pertama menunjukkan bahawa tahap kesedaran belia Malaysia terhadap isu kemanusiaan Palestin berada pada tahap tinggi. Penemuan ini selari dengan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa pendedahan berterusan melalui media dan kempen kesedaran mampu meningkatkan kepekaan sosial belia terhadap isu kemanusiaan global.

Bagi objektif kedua, dapatan kajian memperlihatkan bahawa penglibatan belia dalam aktivisme digital berada pada tahap sederhana tinggi. Bentuk penglibatan seperti berkongsi hantaran, menekan butang 'like' dan meninggalkan komen merupakan antara amalan yang paling kerap dilakukan. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa media sosial berfungsi sebagai ruang pembelajaran sosial dan medium penyertaan sivik yang mudah diakses oleh belia. Namun begitu, dapatan juga menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk

memperluaskan bentuk penglibatan belia ke arah aktivisme digital yang lebih tersusun dan berimpak tinggi.

Seterusnya, dapatan bagi objektif ketiga menunjukkan bahawa konsumerisme belia berada pada tahap tinggi dalam konteks amalan kepenggunaan beretika. Kecenderungan responden untuk memboikot produk tertentu dan menyokong produk tempatan mencerminkan kesedaran nilai yang diterjemahkan ke dalam amalan seharian. Walaupun kajian ini tidak menguji hubungan sebab-akibat, dapatan deskriptif ini menunjukkan pola tingkah laku konsumen yang selari dengan nilai kemanusiaan yang diketengahkan melalui aktivisme digital.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa aktivisme digital berfungsi sebagai satu bentuk pendidikan sosial tidak formal yang membantu membentuk kesedaran, sikap dan amalan belia terhadap isu kemanusiaan dan kepenggunaan beretika. Penemuan ini menyumbang kepada pemahaman tentang peranan media digital dalam konteks pembinaan nilai dan tarbiah sosial belia di Malaysia.

7.0 KESIMPULAN

Kajian ini meneliti aktivisme digital dalam kalangan belia Malaysia serta hubung kaitnya dengan tingkah laku sosial dan konsumerisme dalam konteks isu kemanusiaan Palestin. Berdasarkan analisis deskriptif yang dijalankan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran belia terhadap isu kemanusiaan Palestin berada pada tahap tinggi. Kesedaran ini mencerminkan keprihatinan belia terhadap isu kemanusiaan global yang dipengaruhi oleh pendedahan berterusan melalui pendidikan formal dan tidak formal, liputan media, serta kempen kesedaran yang dianjurkan oleh pelbagai organisasi.

Selain itu, dapatan kajian memperlihatkan bahawa tahap penglibatan belia dalam aktivisme digital berada pada tahap sederhana tinggi. Bentuk penglibatan yang dominan melibatkan tindakan asas seperti berkongsi maklumat, menekan butang 'like' dan meninggalkan komen di media sosial. Walaupun tindakan ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan visibiliti isu kemanusiaan Palestin dan menggalakkan perbincangan terbuka, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk memperluaskan penglibatan belia ke arah aktivisme digital yang lebih tersusun dan berimpak tinggi.

Kajian ini juga mendapati bahawa amalan konsumerisme beretika dalam kalangan belia berada pada tahap tinggi. Responden menunjukkan kecenderungan untuk memboikot produk tertentu serta menyokong produk tempatan yang dianggap selari dengan nilai moral dan sosial mereka. Dapatan ini menggambarkan satu pola kepenggunaan yang berasaskan nilai, namun kajian ini tidak menilai hubungan sebab-akibat antara aktivisme digital dan keputusan pembelian secara inferensi.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diberi perhatian. Pertama, saiz sampel kajian yang terhad serta penggunaan kaedah pensampelan tidak rawak mengehadkan kebolehumuman dapatan kepada keseluruhan populasi belia di Malaysia. Kedua, data kajian diperolehi melalui kaedah laporan sendiri (self-reporting), yang berpotensi terdedah kepada bias sosial dan kecenderungan responden untuk memberikan jawapan yang dianggap positif atau diterima secara sosial. Selain itu, kajian ini hanya menggunakan analisis deskriptif dan tidak menguji hubungan statistik secara inferensi antara pembolehubah yang dikaji.

Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk menggunakan saiz sampel yang lebih besar serta kaedah pensampelan kebarangkalian bagi

meningkatkan kebolehwakilan dapatan. Penyelidikan masa depan juga boleh menggunakan pendekatan inferensi seperti analisis korelasi atau regresi, atau kaedah campuran (mixed methods), bagi meneroka hubungan yang lebih mendalam antara aktivisme digital, pembentukan nilai dan tingkah laku belia. Selain itu, kajian kualitatif seperti temu bual mendalam boleh dijalankan untuk memahami pengalaman, motivasi dan makna aktivisme digital dari perspektif belia sendiri. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman awal tentang peranan aktivisme digital sebagai satu bentuk pendidikan sosial tidak formal dalam membentuk kesedaran, sikap dan amalan belia terhadap isu kemanusiaan dan kepenggunaan beretika di Malaysia.

8.0 RUJUKAN

- Abdullah, M. A. A. (2024). Military Activism in Malaysia and Its Boycott Towards McDonald's Malaysia: A Case Study of Palestine-Israel Conflict. *Journal of Media and Information Warfare*, 17(1), 105-117.
- Ali, M. N. T., et al. (2025). Digital activism of Malaysian youth on the Palestinian humanitarian issue. Manuscript available on ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/398666167_DIGITAL_ACTIVISM_OF_MALAYSIAN_YOUTH_ON_THE_PALESTINIAN_HUMANITARIAN_ISSUE
- Al-Omoush, K. S., Orero-Blat, M., & Ribeiro-Soriano, D. (2021). The role of sense of community in harnessing the wisdom of crowds and creating collaborative knowledge during the COVID-19 pandemic. *Journal of Business Research*, 132, 765-774.
- Bany Mohammed, A., et al. (2025). Digital activism and public opinion: Understanding the role of social media during the Gaza Conflict. *Journal of Islamic Marketing*. <https://doi.org/10.1108/JIMA-03-2024-0101>
- Bryman, A. (2016). *Social research methods* (5th ed.). Oxford University Press.
- Castells, M. (2012). *Networks of Outrage and Hope: Social Movements in the Internet Age*. Polity Press.
- Cortés-Ramos, A., Torrecilla García, J.A., Landa-Blanco, M., Poleo Gutiérrez, F.J., & Castilla Mesa, M.T. (2021). Activism and Social Media: Youth Participation and Communication. *Sustainability*, 13(18), 10485. <https://doi.org/10.3390/su131810485>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to Design and Evaluate Research in Education*. McGraw-Hill.
- Greijdanus, H., de Matos Fernandes, C. A., Turner-Zwinkels, F., Honari, A., Roos, C. A., Rosenbusch, H., & Postmes, T. (2020). The psychology of online activism and social movements: relations between online and offline collective action. *Current Opinion in Psychology*, 35, 49-54. <https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2020.03.003>
- Human Rights Watch. (2021). *A Threshold Crossed: Israeli Authorities and the Crimes of Apartheid and Persecution*.
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. (2024). Definisi belia. <https://www.kbs.gov.my>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Lenhart, A., Purcell, K., Smith, A., & Zickuhr, K. (2010). *Social Media & Mobile Internet Use Among Teens and Young Adults*. Pew Research Center.

- Lim, M., & Goh, D. (2020). Digital activism: A new avenue for youth engagement in Malaysia. *Asian Journal of Communication*, 30(2), 144-158.
- Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC). (2022). Internet Users Survey 2022. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/IUS-2022.pdf>
- Musa, M. F. (2024). Malaysia's Responses to Issues Pertaining to Palestine. *Trends in Southeast Asia*, TRS13/24, ISEAS – Yusof Ishak Institute. https://www.iseas.edu.sg/wp-content/uploads/2024/05/TRS13_24.pdf
- Nor, S. A. M., & Omar, S. S. (2024). Riding the Gaza Boycott Wave: A Strategic Guide for Malaysian Local Franchises to Capitalize on Consumer Shift. *Global Business and Management Research: An International Journal*, 16(3s), 132-147.
- Nunnally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric Theory*, 3rd edn, 1994. McGraw-Hill, New York, 3, 701.
- Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (OCHA). (2021). *Humanitarian Needs Overview 2021: Occupied Palestinian Territory*.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS (7th ed.)*. McGraw-Hill Education.
- Punch, K. F. (2013). *Introduction to Social Research: Quantitative and Qualitative Approaches*. Sage.
- Shimp, T. A., & Sharma, S. (1987). Consumer ethnocentrism: construction and validation of the CETSCALE. *Journal of Marketing Research*, 24(3), 280-289.
- United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). (2020). *The Economic Costs of the Israeli Occupation for the Palestinian People: Cumulative Fiscal Costs*.
- Yousef, A., & Mokadi, T. (2024). The digital uprising: Palestinian activism in the cyber colonial era. *FWU Journal of Social Sciences*. <https://ojs.sbbwu.edu.pk/fwu-journal/index.php/ojs/article/view/3293>